

SULIT

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN 2022
BAHASA MELAYU**

1103/2

**Kertas 2
November
2 jam 30 minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C**.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
 5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN A – SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1** Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata nama terbitan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha yang berterusan bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar berteraskan konsep keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI). Pendidikan merupakan suatu proses yang berterusan bagi mengembangkan potensi individu ke arah kecemerlangan akademik serta mempunyai kepelbagaiannya kemahiran secara menyeluruh dan bersepada selaras dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan generasi yang berketerampilan dan berdaya saing di peringkat global. Hal ini juga selaras dengan matlamat negara bagi melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang di mata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pendidikan di Malaysia
Berita Harian, 2021

[8 markah]

- 2** Baca petikan di bawah dengan teliti. Bagi frasa bergaris, nyatakan jenis frasa tersebut sama ada **Frasa Nama**, **Frasa Kerja**, **Frasa Adjektif** atau **Frasa Sendi Nama**.

Keupayaan dron merakam panorama indah itu dari sudut tinggi telah menimbulkan minat yang tinggi terutamanya jurufoto untuk memiliki dron. Produk video daripada kamera dron tersebut dapat menghasilkan kualiti yang sinematik menjadikan dron sebagai peralatan mesti milik kepada juruvideo. Oleh sebab itulah, dron ialah prop-prop yang digunakan dalam penggambaran sesebuah filem. Filem Fantastic Four misalnya, dron digunakan sebagai prop untuk watak Johny Storm ketika terbang di udara. Teknologi ini sangat baik dalam menjadikan penggambaran babak sukar ini kelihatan begitu sempurna dan realistik. Antara syarikat paling awal yang mencetuskan idea servis penghantaran barang menggunakan dron ialah Amazon.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Antara Kepentingan dengan Ancaman'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada enam kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Bahan 1

Aktiviti kesenian dan kebudayaan memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri pelajar. Kepelbagaiannya budaya yang datang dari setiap pelosok negara mencorakkan landkap kebudayaan dan kesenian di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Pelajar-pelajar dari pelbagai negara dapat mendalam kebudayaan dari negara lain untuk memupuk kesefahaman dan harmoni yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Antara fungsi-fungsi penubuhan kelab-kelab kebudayaan dan kesenian ini ialah sebagai medan manifestasi seni bagi warga kampus menonjolkan bakat di samping membantu dalam perkembangan seni budaya dan warisan. Tujuan merakyatkan seni budaya dan warisan dapat melahirkan warga kampus yang berkebolehan, berdaya juang dalam mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan mutu seni budaya warisan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kebudayaan dan Kesenian'
Internet

[6 markah]

Bahan 2

Kajian profil membaca rakyat Malaysia yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak dua naskah setahun. Menurut statistik PNM, trend pinjaman bahan dari perpustakaan di seluruh negara juga menunjukkan sedikit penyusutan. Hal ini berlaku demikian mungkin kerana bahan baca masyarakat kini tidak lagi terhad kepada buku fizikal. Generasi Y dan netizen lebih gemar mengambil bahan bacaan melalui Internet. Buku di perpustakaan kurang dipinjam serta digunakan kerana kekinian maklumat melalui Internet. Masyarakat kita boleh dikatakan berada pada landasan yang betul jika diukur daripada jumlah dan jenis bahan bacaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Amalan Membaca'
Internet

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 4 Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejada Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **dua** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, kerajaan terus memberikan tumpuan khusus terhadap pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal (TVET). Tumpuan terhadap TVET ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencipta teknologi, setanding dengan negara maju di dunia. Sehubungan dengan itu, pelajar TVET perlu berusaha bersungguh-sungguh supaya mereka yang berpotensi dapat dilatih menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang teknologi dan kejuruteraan. Selain itu, penekanan terhadap pendidikan keusahawanan ini membolehkan pelajar membina kerjaya sendiri tanpa mengharapkan kerja makan gaji. Walaupun perlu mengharungi pelbagai cabaran dalam bidang ini, tetapi lama-kelamaan pelajar akan terbiasa lantaran mengetahui kepentingan pendidikan TVET.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tidak Ada Bezanya Bidang Akademik dan Vokasional'
oleh Haziah binti Che Husin,
Dewan Siswa, Jun 2019

[4 markah]

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN
[35 markah]

6 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Program Bimbingan Rakan Sebaya dalam konteks pendidikan merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sudah lama diperkenalkan. Strategi bimbingan rakan sebaya didefinisikan sebagai suatu bimbingan pembelajaran secara kolaboratif dalam kalangan individu yang sebaya umur. Pembimbing atau mentor perlu mempunyai ketekunan dan menjalankan hubungan yang baik dengan orang yang dibimbing atau menti untuk menyelesaikan masalah. Bimbingan rakan sebaya dapat membantu dan menyokong pelajar yang lemah dalam pembelajaran melalui strategi pengajaran yang *sistematik dan efektif*.

Di Malaysia, pelaksanaan program bimbingan pelajar ini bertujuan untuk mengenal pasti punca tingkah laku dan sikap dalam kalangan pelajar. William Fowle seorang ahli kaunseling menyimpulkan bahawa kanak-kanak boleh menjadi mentor yang baik berbanding orang dewasa kerana mereka lebih prihatin dan saling menghormati perasaan masing-masing apabila diberikan tugas. Pendekatan yang sesuai perlu diambil oleh pembimbing untuk melaksanakan peranannya dalam usaha membentuk dan membimbing pelajar bawah bimbangannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Strategi Bimbingan Rakan Sebaya’
Pelita Bahasa Bil. 03/2022

Bahan 2

Para pendidik perlu mempelbagaikan kaedah pembelajaran di dalam kelas supaya suasana lebih menarik dan menyeronokkan. Guru kelas atau guru mata pelajaran biasanya lebih mengenali pelajarnya dan boleh membantu memadankan seorang pembimbing rakan sebaya yang bijak dalam sesuatu mata pelajaran dengan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran tersebut. Sekiranya pemandangan tidak sesuai, pembimbing dan pelajar boleh ditukar dengan persetujuan mereka dan diharap kaedah ini mampu meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran.

Kaedah bimbingan rakan sebaya meninggalkan kesan terhadap pencapaian akademik. Seseorang pelajar berasa lebih selesa dengan bimbingan rakan sebaya dan berupaya memberikan penumpuan yang lebih kepada bahan pembelajaran. Dalam usaha menjalankan kaedah bimbingan ini, guru haruslah memastikan pelibatan murid secara aktif. Pada masa yang sama, penyeliaan sangat penting untuk memastikan kedua-dua pihak sama ada guru maupun pelajar mendapat manfaat daripada kaedah yang dilaksanakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pelaksanaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya’
Pelita Bahasa Bil. 05/2022

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sistematik dan efektif*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan belajar menggunakan kaedah bimbingan rakan sebaya.

[3 markah]

- (iii) Program bimbingan rakan sebaya kurang mendapat sambutan daripada murid-murid.

Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku?

[3 markah]

- (iv) Rakan anda ketinggalan dalam pelajaran kerana sering tidak hadir ke sekolah. Dia telah menerima surat amaran daripada pihak sekolah.

Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan anda untuk memastikan rakan anda berminat untuk hadir ke sekolah?

[4 markah]

7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Sifat-sifat yang Baik**

Jikalau kamu bersifat budiman,
Dipandang sebagai bunga di taman.

*Jikalau kamu bersifat dermawan,
Segala orang dapat kau tawan.*

Jikalau kamu bersifat pemurah,
Segala manusia datang menyerah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Beberapa Petua Hidup
antologi Sejadah Rindu Tingkatan 5
Kementerian Pelajaran Malaysia 2015

Bahan 2

Berbekalkan prestasi akademiknya yang baik, kebetulan mendapat tempat di sekolah berasrama penuh yang sama dengan anakanda, ayahanda dan bonda berasa bukanlah menjadi bebanan kita jika dia pergi dan balik ke asrama bersama-sama kita. Bersikap jujur, mengakui kesalahan diri dan meminta maaf seikhlas hati. Andai kita ditegur atau dimarahi kerana kesalahan yang dilakukan, terimalah dengan rela dan reda. Niatkan dalam hati untuk berubah ke arah yang lebih baik. Bukankah begitu yang selalu bonda ingatkan?

Umpama kata orang tua-tua, siakap senohong, gelama ikan duri, bercakap bohong, lama-lama mencuri. Diharap anakanda selalu beringat agar menjauhi perkara yang tidak baik seperti itu. Hidup sendiri di asrama sememangnya menuntut banyak kesabaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cerpen Bicara Buat Si Manis 17'
Pelita Bahasa Bil. 02 /2022

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud

*Jikalau kamu bersifat dermawan,
Segala orang dapat kau tawan.*

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan sifat baik yang perlu ada dalam diri seseorang.

[3 markah]

- (iii) Sifat pemurah perlu dipupuk dalam jiwa setiap manusia.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan sifat pemurah?

[4 markah]

- (iv) Rakan anda sukar menerima teguran apabila melakukan kesalahan.

Sebagai rakan baik, apakah tindakan anda untuk membaiki sikap rakan anda tersebut?

[4 markah]

- 8** Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dia bingkas. Nafasnya turun naik. Keletihan kerana terburu-buru ke hospital belum habis. Ruang menanti masih panjang. Para pengunjung sepertinya menunggu dengan wajah gelisah. Mereka datang dengan harapan agar orang yang diziarahi segera sembuh.

Dia tercegat di kaki lima. Dia memandang ke persekitaran Hospital Batu Pahat yang sepi. Di depannya wad bersalin. Kelihatan beberapa perempuan dengan perut memboyot keluar masuk. Dia tersenyum sendiri. Seorang lelaki berjalan dengan menggunakan tongkat. Lelaki itu ditemani oleh seorang budak lelaki, berkemungkinan cucunya. Kelihatan seorang perempuan sedang mencekeh-cekeh.

Dia teringat emaknya. Minggu lepas, dia ke sini untuk melihat emaknya tetapi sudah diantar ke Johor Bahru. Hari ini ke sini lagi untuk melihat abahnya pula. Abah, insya-Allah akan baik. Emak?

Dipetik daripada
novel *Songket Berbenang Emas*
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagaimanakah keadaan di hospital ketika dia berada di situ? [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (b) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (c) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (d) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menimbulkan simpati kepada pembaca.

[6 markah]

Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Dalam menghadapi arus globalisasi dan cabaran abad ke-21, statistik menunjukkan kes kemalangan jalan raya semakin meningkat seiring dan selari dengan perkembangan ekonomi dan kemajuan sosial. Memandangkan hakikat ini, semua pihak haruslah berganding bahu untuk menangani masalah ini.

Kecuaian pemandu kereta mahupun pengendali kenderaan berat ketika di jalan raya sering kali dikaitkan sebagai penyebab utama nahas jalan raya yang mengorbankan purata 20 orang setiap hari di negara ini. Selain itu, kawasan fizikal jalan yang beralun dan berlubang menyebabkan kemalangan mudah berlaku. Di samping itu, keadaan brek dan tayar kenderaan yang tidak diselenggara turut menyebabkan nahas jalan raya. Fenomena ini sudah cukup menggambarkan antara sebab utama nahas jalan raya. Pelbagai operasi dan kempen keselamatan dilaksanakan oleh pihak berkuasa ketika musim perayaan untuk mendidik pemandu agar lebih berhemah di jalan raya.

Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Profesor Datuk Dr. Mohd Idrus Mohd Masirin berkata, kesan mengantuk dan faktor usia mengurangkan fokus pemanduan. Bagi menangani kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat, beliau mencadangkan agar pihak berkuasa meletakkan papan tanda amaran secukupnya bahkan pihak berkuasa juga perlu memasang lampu jalan di kawasan selekoh yang sering membahayakan pemandu. Tanda amaran berbahaya pada waktu malam perlu dipasang untuk membantu penglihatan pemandu.

Beliau mengingatkan pengguna bahawa jalan raya bukan lokasi untuk menunjukkan kepakaran memandu atau menguji kenderaan tetapi sebagai alat mendekatkan kita kepada keluarga, sahabat dan taulan dan bukan untuk kita meratapi kehilangan orang tersayang. Segala usaha yang dilaksanakan hendaklah berterusan dan bukannya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja kerana nyawa manusia merupakan satu anugerah yang perlu dihargai.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemandu Berhemah'
oleh Normah Ahmad
Berita Harian, 2019

Bahan 2



Memastikan
jalan raya
diselenggara
dengan baik

Mengubah
sikap pemandu
yang kurang
berhemah

Bahan 3

